



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

TEKS UCAPAN

**YBHG DATO' DR. MOHD ALI MOHAMAD NOR
KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN
MULTIMEDIA MALAYSIA**

SEMPENA

**BENGKEL PEMERKASAAN PERKHIDMATAN PESANAN KHIDMAT
AWAM**

**3 DISEMBER 2018
KKMM,PUTRAJAYA**

Yang Berusaha Encik Shakib Ahmad Shakir

Timbalan Ketua Setiausaha Dasar, KKMM

Yang Berusaha Encik Nik Kamaruzaman Nik Husin,

Setiausaha Bahagian Pembangunan Kandungan, KKMM selaku pengajur Bengkel Pemerkasaan Perkhidmatan Pesanan Khidmat Awam pada hari ini

Ketua-Ketua Jabatan, Setiausaha-Setiausaha Bahagian

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

1. Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT, kerana dengan izin dan restuNya jua, kita dapat bersama-sama hadir pada hari yang indah lagi bermakna ini, berkumpul bagi mencetus idea dalam Bengkel Pemerkasaan Perkhidmatan Pesanan Khidmat Awam bagi tahun 2018.

Para Hadirin Yang Dihormati sekalian,

2. Selaras dengan misi nasional untuk mewujudkan masyarakat bermaklumat dan mempunyai minda kelas pertama, Kerajaan perlu sentiasa proaktif dan kreatif dalam menyebarluaskan maklumat-maklumat yang berkualiti, sahih dan mampu difahami serta menjangkau setiap lapisan masyarakat.
3. Dalam masa yang sama, penyebaran pelbagai maklumat yang mengelirukan Kerajaan, swasta dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) perlu ditangani dengan cekap, dengan memastikan rakyat mendapat maklumat yang tepat, sahih dan cepat melalui penggunaan bahasa yang ringkas dan infografik yang menarik.
4. Dalam hal ini, Kerajaan sedang memberi penekanan tinggi terhadap strategi komunikasi yang berkesan untuk menyampaikan maklumat kepada rakyat

bagi meningkatkan pemahaman mengenai sesuatu isu berbangkit dan menangani persepsi negatif terhadap Kerajaan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

5. Sejajar dengan perkembangan teknologi komunikasi semasa, rakyat kini terdedah dengan ledakan maklumat yang tinggi melalui pelbagai saluran media. Justeru itu, rakyat kini lebih gemar memilih dan membaca maklumat-maklumat yang berbentuk ringkas, padat dan menarik yang diolah menggunakan pelbagai teknik grafik dan multimedia. Maklumat-maklumat sebegini memang popular terutama di media sosial seperti melalui aplikasi *Facebook*, *Twitter* dan *WhatsApp*.
6. Sehubungan itu, pihak Kerajaan perlu juga lebih kreatif dalam mebangunkan maklumat-maklumat Kerajaan yang menarik dan perlu menggunakan semua saluran komunikasi dengan lebih meluas seperti televisyen, radio, media sosial dan juga bahan-bahan penerbitan termasuk surat khabar.
7. Salah satu kaedah penyampaian mesej Kerajaan ialah melalui Pesanan Khidmat Awam (PKA). PKA ialah mesej ringkas Kerajaan yang diolah menggunakan pelbagai teknik seperti *still slide*, multimedia, grafik, teks atau kombinasi semua teknik dan dihebahkan melalui saluran elektronik, *network screen* di tempat awam dan dalam pengangkutan awam serta media siber.
8. Pada masa ini, di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia, terdapat peraturan yang mensyaratkan atau membenarkan siaran PKA Kerajaan secara percuma. Setiap stesen televisyen atau radio swasta perlu memberi layanan istimewa kepada Kerajaan yang menetapkan tempoh wajib siaran PKA sekurang-kurangnya dua (2) minit setiap penyiaran.
9. Semoga ia akan menjadi lebuh raya media elektronik yang menyokong usaha Kerajaan membudayakan perpaduan, toleransi, keharmonian dan nilai-nilai murni yang mengukuhkan lagi keakraban, semangat patriotik, cinta dan setia kepada negara.

10. Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan, kepada semua para penceramah yang terdiri daripada Lembaga Penapis Filem, Kementerian Dalam Negeri, PRASARANA, Bahagian Komunikasi Strategik,KKMM, RTM, SKMM dan FINAS di atas kerjasama dan melapangkan masa untuk berkongsi ilmu dan kepakaran dalam bidang masing-masing pada hari ini.
11. Saya juga difahamkan pada hari ini, seramai 150 orang peserta yang terlibat daripada Pegawai Perhubungan Awam Kementerian-kementerian, warga Kementerian, Jabatan dan Agensi di bawah KKMM bagi bersama-sama menjayakan bengkel ini.
12. Adalah diharapkan setiap Kementerian/ Jabatan/Agensi perlu mengambil langkah baharu dalam memperkasakan perkhidmatan Pesanan Khidmat Awam melalui pelbagai media ini. Di samping menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi tujuan pembikinan PKA dan pembelian ruang media, tenaga pekerja pakar kreatif juga perlu diberi perhatian.

Tuan-tuan dan puan-puan,

13. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada Setiausaha Bahagian Pembangunan Kandungan, Encik Nik Kamaruzaman Nik Husin, serta urusetia daripada Bahagian Pembangunan Kandungan yang telah bekerja keras untuk merealisasikan bengkel pada hari ini.
14. Akhir kata, sekali lagi saya merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan yang telah dapat hadir bagi menjayakan bengkel Pemerkasaan Perkhidmatan Pesanan Khidmat Awam pada hari ini. Semoga usaha murni ini akan membawa hasil yang diharapkan.
15. Dengan lafaz **Bismillahhirohmannirahim**, saya merasmikan Bengkel Pemerkasaan Perkhidmatan Pesanan Khidmat Awam bagi tahun 2018.

Wabillahittaufik walhidayah, Wassalam'alaikum warahmatullahi wabrakatuh.